



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## HARI TERBUKA SISTEM KAWALAN DIESEL SUBSIDI (SKDS) 2.0 DAN KARNIVAL KEPENGGUNAAN NEGERI KEDAH SIRI 1

**KULIM, 28 JUN 2024** – Hari ini saya telah merasmikan Hari Terbuka Sistem Kawalan Diesel Subsidi (SKDS) 2.0 dan Karnival Kepenggunaan Negeri Kedah Siri 1 yang diadakan di Pasar raya Lotus's Kulim, Kedah.

Susulan daripada pelaksanaan penyasaran subsidi diesel bermula pada 10 Jun 2024, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) Negeri Kedah ini mengadakan Hari Terbuka Sistem Kawalan Diesel Subsidi 2.0 (SKDS) yang melibatkan syarikat-syarikat yang mempunyai kenderaan jenis pengangkutan barangan. Platform ini memberikan ruang bagi syarikat-syarikat dengan jenis-jenis pengangkutan yang tersenarai dalam SKDS 2.0 untuk mendapatkan maklumat lanjut secara bersemuka tentang pelaksanaan SKDS. Syarikat-syarikat pengangkutan terbabit juga boleh terus mengemukakan kedua-dua kategori permohonan iaitu mendapatkan kelulusan SKDS melalui sistem MySubsidi Diesel KPDN dan seterusnya mendapatkan *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak pilihan.

Sebagai Kementerian yang bertanggungjawab mengawal selia pelaksanaan SKDS, KPDN telah menggerakkan kerjasama dengan lima syarikat minyak yang terlibat untuk memastikan kesiapsiagaan dalam perancangan agenda penyasaran semula subsidi diesel. Antara langkah yang telah dilaksanakan adalah ketersediaan syarikat-syarikat minyak dengan bekalan stok 1 juta *fleet card*. Jumlah ini disasarkan untuk memenuhi permintaan 23 jenis kenderaan yang layak melalui SKDS 2.0 yang dianggarkan berjumlah 410 ribu.

Permohonan bagi mendapatkan surat kelulusan SKDS 2.0 secara dalam talian melalui pautan <https://mysubsidi.kpdn.gov.my/> bagi kesemua 23 jenis kenderaan pengangkutan barangan yang layak melibatkan proses yang mudah dan cepat. Ini termasuk mekanisme semakan waktu nyata (*real time*) dengan sistem MySIKAP Jabatan Pengangkutan Jalan Malaysia, semakan nombor pendaftaran syarikat dengan sistem Suruhanjaya Syarikat Malaysia tanpa memerlukan pemohon memuat naik dokumen sokongan tambahan.

Justeru, pihak Kementerian menyeru syarikat-syarikat yang layak memohon di bawah SKDS 2.0 untuk tidak bertanggung untuk mendapatkan surat kelulusan SKDS 2.0 dan sekali gus memohon *fleet card* daripada syarikat-syarikat minyak. KPDN terus komited menjayakan inisiatif penyasaran subsidi diesel dalam menangani isu ketirisan dan penyelewengan subsidi kerajaan. .

Pada program tersebut juga turut diadakan Karnival Kepenggunaan bagi advokasi Pengguna yang melibat beberapa rakan strategik seperti MOF, LHDN, JPJ dan SSM yang membuka reruai bagi memberi penerangan kepada pengguna dan Program Jualan RAHMAH MADANI Premis juga turut diadakan di Lotus's Kulim, Kedah.

Program Jualan RAHMAH MADANI ini merupakan salah satu program KPDN di bawah inisiatif Payung RAHMAH MADANI yang bertujuan untuk mengurangkan kos sara hidup rakyat. Program ini merupakan kolaborasi bersama pemain industri sektor peruncitan seperti pasaraya dan *hypermarket* yang menawarkan penjimatan harga barangan keperluan harian antara 10% hingga 30% lebih murah daripada harga biasa setempat.

Program Jualan RAHMAH MADANI di Pasar raya Lotus's Kulim ini akan dilaksanakan bermula jam 10.00 pagi hingga 10.00 malam selama satu hari . Antara barang-barang yang dijual semasa program ini adalah:-

- i. Beras Putih;
- ii. Tepung Gandum;
- iii. Mi Segera Mamee;
- iv. Kraker (Biskut);
- v. Bihun;
- vi. Telur Ayam;

- vii. Shampu;
- viii. Pencuci Baju;
- ix. Tisu;
- x. Pencuci lantai;
- xi. Lampin pakai buang; dan
- xii. Pencuci Pinggan.

KPDN menyeru dan menggalakkan lebih ramai lagi pemain industri khususnya *hypermarket* dan pasar raya supaya dapat bersama-sama menjayakan aspirasi ini dalam usaha mengurangkan tekanan terhadap kos sara hidup rakyat.

**YB SENATOR PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH**

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

**###**